

Bahasa Melayu

Tahun 6

Kemahiran Membaca

SK : 2.5 Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.

SP : 2.5.1 Membaca dan memahami bahan untuk memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.



Membaca

Kenali Kambing Jamnapari

"Kawan-kawan, sila dengar penerangan saya ini tentang perusahaan ternakan kambing Jamnapari milik datuk saya dengan rakan kongsinya, Dato' Ilias," kata Rajesh.

Datuk saya penternak kambing Jamnapari. Datuk mendapat benih kambing ini dari daerah Etawah, di Uttar Pradesh, India. Baka kambing ini antara baka kambing yang terbesar di India. Berat kambing jantan boleh mencecah 44 kilogram manakala kambing betina pula 36 kilogram.

Datuk dan rakan kongsinya telah membina kandang di kawasan seluas empat hektar. Mereka membina kandang yang berukuran 30.5 meter x 12.2 meter manakala ketinggian kandang itu ialah 1.5 meter dari paras tanah. Kandang itu dapat menampung bilangan kambing dalam lingkungan 250 ekor.

Kambing di dalam kandang ini dimasukkan ke sistem penternakan yang digunakan, iaitu "sistem lepas". Kambing Jamnapari diberi makanan, iaitu konsentrat dan daun-daun, dua kali sehari. Selain itu, air bersih sentiasa disediakan di dalam kandang itu. Kemudian, pekerja-pekerja memberikan makanan dan minuman yang secukupnya supaya kambing tersebut cepat membesar.

Kambing Jamnapari mudah membiak dan tahan lasak serta sesuai dengan cuaca di Malaysia. Biasanya, sebanyak empat ekor anak kambing akan dilahirkan dalam satu masa. Oleh itu, mereka cepat mendapat pulangan modal dan keuntungan.

Kambing Jamnapari mempunyai banyak keistimewaannya. Kambing ini dipelihara untuk bekalan daging dan susu. Harga seekor kambing ini mencecah RM5000.00. Oleh itu, pendapatan mereka semakin bertambah. Permintaan terhadap kambing ini semakin meningkat.

Kini, datuk saya dan rakannya bercadang untuk mengembangkan perusahaan tersebut dengan menggunakan sistem fidlot. Mereka juga merancang untuk mengeluarkan produk sampingan yang berasaskan kambing Jamnapari.



kandang

keistimewaan

sistem fidlot

Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang betul.

Berukuran 100 kaki x 40 kaki dan ketinggian lima kaki dari paras tanah.	Diperlihara untuk bekalan dagung dan susu.	Dapat membesarkan dan menggemukkan haiwan dalam masa yang singkat.
Harganya mencecah rm5000.00 dan boleh menambahkan sumber pendapatan.	Menternak haiwan secara berkurung dengan memberikan makanan yang bermutu dan air yang mencukupi.	Dapat menampung lebih kurang 250 ekor bilangan kambing.

Kandang	Keistimewaan	Sistem fidlot